

28 SEP 1999

Mahathir-Kawalan

KAWALAN KEKAL SEHINGGA ANCAMAN MATA WANG DIATASI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 28 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin mengulangi bahawa Malaysia akan hanya menarik balik kawalan mata wang terpilih yang dilaksanakan 1 Sept tahun lepas sekiranya ancaman daripada pedagang mata wang terhadap ekonominya tidak lagi wujud.

Walaupun ekonomi Malaysia kini stabil, namun terdapat kemungkinan pedagang mata wang dan dana berkelebihan tinggi untuk sekali lagi menyerang negara ini, katanya.

"Kita tidak akan menarik balik kawalan terpilih kita sehingga ancaman itu tidak lagi wujud," kata Dr Mahathir kepada tokoh-tokoh korporat pada jamuan malam anjuran Asia Society di sini.

Dalam ucapannya bertajuk "Kestabilan Kewangan Menerusi Kawalan Pertukaran: Pengalaman Malaysia", beliau berkata memandangkan ekonomi Malaysia kini stabil, terdapat gesaan daripada pelbagai sektor yang menasihati Malaysia supaya menarik balik kawalan itu.

Sebagai menjawab nasihat sedemikian, Dr Mahathir berkata: "Saya dilatih sebagai seorang doktor perubatan. Saya bukan sahaja perlu mengubati pesakit saya tetapi juga menasihati mereka agar jika boleh tidak mendedahkan diri daripada diserang semula penyakit itu.

"Kita semakin pulih dan kita tidak menjejaskan orang lain kecuali manipulator mata wang. Kita hanya ingin dunia mengetahui bahawa terdapat banyak cara untuk mengatasi sesuatu masalah.

"Kesimpulan bahawa terdapat hanya satu cara untuk mengatasi sesuatu masalah ekonomi adalah salah. Oleh itu jangan ganggu kita dan kawalan terpilih kita.

"Tidak penting apa orang lain anggap mengenai kita. Mereka tidak pernah beranggapan baik mengenai kita. Apa yang penting kepada kita ialah kita melakukan yang terbaik bagi negara dan rakyat kita," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata semasa Malaysia melaksanakan kawalan itu, ia dicerca dan dikutuk oleh hampir seluruh dunia sehingga dipanggil "pariah, bodoh dengan tidak memahami mengenai ekonomi dan kewangan."

Bagaimanapun, beliau berkata komen sekarang lebih lembut, termasuk pengakuan oleh pengkritik yang paling lantang bahawa Malaysia telah berjaya mengatasi masalah ekonominya, dan ekonominya kembali berkembang sehingga ada sesetengah yang mengunjurkan pertumbuhan yang lebih baik daripada unjuran Malaysia sendiri.

"Kita kini dinasihatkan supaya menarik balik kawalan itu kerana kita sekarang stabil. Kita tidak akan berbuat demikian, melainkan dunia mengekang pedagang mata wang dan membentuk satu struktur kewangan antarabangsa yang sukar disalahguna oleh mereka yang tamak," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri bercakap panjang lebar mengenai pelbagai langkah yang diambil kerajaan untuk mengatasi krisis kewangan yang teruk yang menghancurkan imej Harimau Asia beberapa negara Asia Tenggara dan Korea Selatan sejak Julai 1997.

Krisis kewangan itu mengakibatkan Malaysia kerugian kira-kira AS\$50 bilion daripada segi kuasa pembelian import dan AS\$150 bilion dalam permodalan pasaran, katanya.

Malaysia tidak mampu untuk terus menurunkan nilai mata wangnya dan saham di bursa saham, katanya.

Beliau berkata kerajaan dapat mengekang kejatuhan itu, menurunkan kadar faedah, memastikan adanya kecairan wang yang secukupnya untuk sektor

perbankan, mengurangkan import dan meningkatkan eksport.

"Kita memantau imbalan perdagangan dan ini memihak kepada kita," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kemelut kewangan masa kini telah meranapkan kebanyakan kejayaan yang diambil kerajaan untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi Malaysia di antara kaum yang menyebabkan rusuhan perkauman 1969 di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata sekiranya Malaysia telah menggunakan cara Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), cara IMF itu mungkin akan memburukkan lagi keadaan, dan menyebabkan rusuhan perkauman dan memanjangkan lagi ketidakstabilan politik.

Perdana Menteri berkata memandangkan IMF bukan satu pilihan untuk Malaysia, kerajaan terpaksa memikirkan sesuatu yang bersesuaian dengan negara, iaitu cara untuk memulihkan ekonomi adalah dengan menstabilkan kadar tukaran ringgit.

Mengenai pasaran saham, beliau berkata kerajaan tidak membenarkan jualan singkat sebaik sahaja Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) "diserang".

Ia semakin jelas bahawa harga saham masih teruk ditekan sebagaimana mata wang diturunkan nilai.

Dr Mahathir berkata beberapa orang yang "sangat pintar" dengan agenda yang bukan sekadar untuk mengaut keuntungan telah mewujudkan pasaran Central Limit Order Book" (CLOB) yang tidak lagi wujud di Singapura, yang tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.

Beliau berkata untuk menghentikan CLOB, pendaftaran menerusi syarikat penama tidak dibenarkan.

Pemilik saham perlu mendaftar terus dengan BSKL dan urus niaga dalam saham-saham itu dihentikan sehingga status saham itu diputuskan.

-- BERNAMA

AHH AKD